

Bermula: Jan 2006

Kemaskini: November 2010

<b>Nama Stesen</b> <b>STESEN METEOROLOGI CHUPING</b>	<b>Nombor WMO</b> <b>48604</b>	<b>Lat</b> <b>N 06° 28' 47"</b>	<b>Long</b> <b>E 100° 15' 35"</b>	<b>Altitud (m)</b> <b>22.0</b>
<b>Agensi</b> <b>JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA</b>	<b>Kategori</b> <b>STESEN METEOROLOGI UTAMA</b>		<b>Bermula Operasi</b> <b>1979</b>	<b>Status</b> <b>Aktif</b>
<b>Negeri</b> <b>PERLIS</b>	<b>Alamat Pos</b> <b>Stesen Meteorologi Chuping,</b> <b>02500 Mata Ayer,</b> <b>Perlis Darul Sunnah.</b>	<b>Peralatan Meteorologi</b> <b>1. AWS</b> <b>2. Tolok Hujan</b> <b>3. Peralatan Pencemaran Udara</b> <b>4. Tangki Sejatan</b>		<b>Jenis Pencerapan</b> <b>1. Metar</b> <b>2. Speci</b> <b>3. Synop</b>
<b>Lokasi/Bagaimana Ke Sana</b> Terletak diantara Kangar dan Arau. Ambil simpang ke kiri ke Mata Ayer. Tidak jauh dari lintasan keretapi dan sebelum Stesen Petronas dan Balai Polis.				<b>Masa Pencerapan</b> <b>Stesen 24 jam</b>
<b>Orang Dihubungi:</b> Ketua Stesen	<b>No. Tel</b> 604-9382158	<b>No. Faks</b> 604-9382158	<b>No. Fail</b> JMM.COM30SP/75 8/L065 JLD2	<b>Kaw. Stesen</b> 300' X 300'
				<b>Bil. Staf</b> 5 + 1

**GAMBAR**




## IKLIM DI STESEN METEOROLOGI CHUPING

Stesen Meteorologi Chuping berkoordinat 4°48'0N 100°54'E terletak di Chuping, Perlis Indera Kayangan. Stesen ini telah memulakan operasinya sejak tahun 1979 dengan membuat pencerapan data bagi hujan, suhu, kelembapan relatif dan sinaran matahari.

### HUJAN

Kedudukan Chuping yang terletak di utara Semenanjung Malaysia secara langsung menjadikan iklim kawasan tersebut lebih dipengaruhi oleh musim peralihan monsun . Dengan merujuk kepada **Rajah 1**, didapati kuantiti hujan yang dicatatkan oleh Stesen Meteorologi Chuping dilihat adalah paling tinggi pada bulan Oktober. Jumlah hujan didapati mula meningkat dari bulan September dan terus menurun menjelang November. Hujan paling rendah dicatatkan pada bulan Januari dan mula meningkat kembali menjelang April. Melalui corak yang ditunjukkan dalam **Rajah 1** boleh dikatakan bahawa kawasan Chuping banyak dipengaruhi oleh musim peralihan monsun yang berlaku sekitar bulan April hingga Mei dan September hingga Oktober. Semasa musim-musim peralihan monsun, angin pada amnya berkelajuan lemah dan arahnya berubah-ubah. Pada kedua-dua musim ini, palung khatulistiwa merentangi Malaysia.


**Rajah 1** Purata Hujan Bulanan



### SUHU

Sebagai sebuah negara yang terletak di khatulistiwa, Malaysia mengalami suhu yang sekata sepanjang tahun. Perbezaan tahunan suhunya adalah kurang daripada 2°C kecuali bagi kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia yang kerap dipengaruhi oleh luran angin sejuk dari Siberia semasa monsun timur laut. Seperti yang dipaparkan pada **Rajah 2** di atas, didapati suhu adalah tinggi sekitar bulan Mac hingga Mei. Walaubagaimanapun, suhu didapati paling rendah sekitar Oktober hingga Disember. Purata suhu bulanan yang rendah ini berkait rapat dengan keadaan hujan, jumlah hujan yang tinggi pada bulan Oktober menyebabkan suhu rendah pada bulan tersebut akibat hasil daripada hujan dan litupan awan.

**Rajah 2** Purata Suhu Bulanan



### KELEMBAPAN RELATIF

Seperti yang diketahui, Malaysia mempunyai kelembapan yang tinggi. Purata kelembapan bandingan bulannya adalah diantara 10% hingga 90%, berubah mengikut tempat dan bulan. **Rajah 3** menunjukkan corak kelembapan relatif bagi kawasan Chuping yang direkodkan oleh Stesen Meteorologi Chuping. Melalui rajah tersebut didapati kelembapan tertinggi dicatatkan pada bulan bulan sekitar bulan Oktober hingga November yang mempunyai jumlah hujan yang banyak sementara kelembapan yang paling rendah pada bulan Februari. Adalah diperhatikan bahawa di Semenanjung Malaysia, kelembapan bandingan minimum biasanya terdapat pada bulan Januari dan Februari kecuali bagi negeri-negeri pantai timur iaitu Kelantan dan Terengganu di mana kelembapan bandingan minimumnya adalah pada bulan Mac. Kelembapan bandingan maksimum pula lazimnya adalah pada bulan November. Seperti dalam kes suhu, perubahan harian kelembapan bandingan adalah lebih besar berbanding dengan perubahan tahunan. Purata minimum hariannya boleh serendah 40% semasa bulan-bulan kering dan menghampiri setinggi 70% semasa bulan-bulan lembab. Bagaimanapun purata harian maksimumnya pula tidak banyak berubah dari tempat ke setempat iaitu melebihi 95%. Ia mungkin mencapai setinggi 100%. Negeri-negeri di barat laut iaitu Kedah dan Perlis mempunyai perubahan kelembapan bandingan harian terbesar.

**Rajah 3** Purata Kelembapan Bulanan

